

**TAKLIMAT  
PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG KHAS  
PENCALONAN PEGAWAI SURAU**

**&**

**PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA  
SURAU**

**SESI 2017- 2019**

**Undang- undang dan Peraturan yang dirujuk bagi melaksanakan mesyuarat ini adalah berpandukan kepada :-**

1- Enakmen Pentadbiran Agama Islam ( Negeri Selangor) 2003

dibawah Seksyen 100 , 101 , 102 , 103 dan 104 Enakmen

2- Kaedah- Kaedah Pegawai Masjid Dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 ,Pindaan (1999) dan (Pindaan) 2001.

3- Garis Panduan Pemilihan Calon Pegawai Surau Oleh Majlis Agama Islam Selangor

4- Garis Panduan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau Negeri Selangor.

5- Garis Panduan Penetapan Status Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor

# PROSES PENCALONAN SESI 2013- 2016

## Amalan Terdahulu

- a) Bagi mesyuarat pencalonan bagi sesi- sesi yang terdahulu, Mesyuarat Agung Khas Pencalonan di peringkat surau akan mencalonkan 15 orang termasuk sekurang- kurangnya seorang calon pengerusi & calon imam.
- b) Setiap calon hendaklah mendapat sokongan 5 orang penyokong dan disahkan oleh Nazir Masjid / wakilnya.

c) Pencalonan Pegawai & Ahli Jawatankuasa Surau adalah berdasarkan kepada cadangan dan sokongan pencalonan daripada ahli kariah dan tiada proses pengundian boleh dilaksanakan.

d) Mesyuarat berpandukan kepada Tatacara Pencalonan Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Surau Negeri Selangor 2013 dan Kaedah- Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995.

## **KAEDAH PENCALONAN DAN PEMILIHAN TERBARU ( 2017- 2019)**

Bagi tujuan pelaksanaan Mesyuarat Agung khas Pencalonan pada kali ini terdapat sedikit perbezaan pendekatan setelah dibuat penelitian dan kajian semula terhadap kehendak Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Kaedah- Kaedah Pegawai Masjid Dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 (Pindaan) 2001, pandangan daripada Kamar Penasihat Undang- Undang Negeri Selangor, Penasihat Undang- Undang MAIS serta Keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor Bil. 2/2016 maka:

Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Surau dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau adalah bertujuan untuk mendapatkan:-

1. Calon- calon Pegawai Surau;
2. Membuat pemilihan bagi Anggota Jawatankuasa Surau.

## a) Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Surau

i. Sekurang- kurangnya **4** orang hendaklah dicalonkan. Senarai Pegawai Surau yang akan dicalonkan adalah seperti berikut:

- i. Seorang Pengerusi;
- ii. Seorang Imam;
- ii. Seorang Bilal ;
- v. Seorang Siak.

ii. Kriteria umum pemilihan calon berpandukan kepada **Garis Panduan Pemilihan Calon Pegawai Surau Oleh Majlis Agama Islam Selangor.**

### **Syarat kelayakan.**

Setiap calon Pegawai Surau hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

1) berumur tidak kurang daripada 21 tahun dan tidak melebihi 65 tahun;

2) beragama Islam, warganegara Malaysia dan tinggal bermastautin atau bermukim serta berdaftar sebagai ahli kariah dalam kariah surau tersebut;



3)berpegang dan beramal dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak;

4)mempunyai pengetahuan agama Islam, berakhlak mulia dan melibatkan diri di dalam aktiviti surau;

5)boleh membaca, menulis dan mengira;

6)sihat tubuh badan dan mental;

7)mempunyai daya kepimpinan;

8)bersedia mematuhi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 serta lain-lain garis panduan berkaitan dengan pengurusan masjid dan surau; dan

9)sentiasa menjalin hubungan baik dengan ahli kariah.

## **Gugur kelayakan.**

Calon yang mempunyai kriteria seperti yang berikut adalah gugur kelayakan untuk dicalonkan menjadi Pegawai Surau:

- 1) menganggotai mana-mana jawatan Pegawai Masjid;
- 2) menganggotai mana-mana jawatan Pegawai Surau atau Jawatankuasa Surau bagi surau yang lain;
- 3) disabitkan dengan kesalahan jenayah dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah;

4)ditamatkan perkhidmatan atau dipecat oleh MAIS;

5)diisytiharkan bankrap yang belum dilepaskan; atau

6)seseorang yang dilantik sebagai penasihat bagi tiap-tiap masjid/ surau dalam mukim dan kampung yang berkenaan.

## Kriteria Tambahan Calon:

- 1) Pengerusi
- 2) Imam
- 3) Bilal
- 4) Siak

iii. Setiap cadangan calon atau calon-calon akan disenaraikan **tanpa ada sebarang proses pengundian.**

iv. Calon- calon **Pengerusi dan Imam** akan melalui proses tapisan oleh panel yang akan dilantik oleh JAIS di setiap daerah.

v. Senarai calon-calon yang diterima akan melalui proses semakan dan tapisan oleh **Panel Pencalonan Dan Pemilihan Peringkat Daerah.**

## b) Mesyuarat Agung Khas Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau

- i. Mesyuarat Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau hendaklah dibuat selepas selesai mesyuarat Pencalonan Pegawai Surau.
- ii. **11** calon hendaklah dipilih dan diputuskan secara **sebulat suara atau lebih suara (pengundian)** anak kariah dalam Mesyuarat Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau.

iii. Anggota Jawatankuasa Surau yang akan dipilih terdiri daripada:

- a) Seorang Setiausaha;
- b) Seorang Bendahari;
- c) Empat (4 ) orang AJK ;
- d) Seorang Wakil Pemuda;
- e) Seorang Wakil Wanita;
- f) Seorang Bilal Jenazah Wanita; dan
- g) Dua (2) orang Pemeriksa Kira-Kira.



iv. Kriteria kelayakan calon Anggota Jawatankuasa Surau adalah **sama** seperti syarat kelayakan calon Pegawai Surau.

**v. Kriteria Tambahan:**

- a. Calon Setiausaha
- b. Calon Bendahari
- c. Calon Pemeriksa Kira-kira

## Tempoh Jawatan

Pegawai Surau dan Anggota Jawatankuasa Surau hendaklah memegang jawatan selama tempoh **(3) tiga tahun** dari tarikh pelantikannya dan boleh dilantik semula.

Walaupun bagaimanapun, bagi jawatan Pengerusi, pelantikan itu tidak boleh melebihi dua penggal berturut-berturut kecuali dengan kebenaran Majlis.

## **Tindakan yang perlu diambil oleh Pengerusi dan Setiausaha Surau sebelum mesyuarat:**

- i. Mengemaskini daftar senarai ahli kariah terkini.
- ii. Menetapkan tarikh Mesyuarat Agung Khas didalam Mesyuarat Jawatankuasa Surau
- iii. Memaklumkan tarikh mesyuarat kepada Pengurus atau Nazir Masjid

- v. Mengedarkan notis mesyuarat sekurang-kurangnya **14 hari** sebelum mesyuarat.
- vi. Memastikan ada pegawai masjid atau PAID menyelia perjalanan mesyuarat.
- vii. Membuat hebahan kepada ahli kariah menggunakan medium yang sesuai.

## **Tindakan semasa mesyuarat:**

- i. Menyemak dan mendaftarkan kehadiran ahli kariah.
- ii. Melaksanakan mesyuarat mengikut agenda yang ditetapkan seperti berikut:

## Agenda mesyuarat:

- ❖ bacaan surah Al-Fatihah dan doa selamat;
- ❖ ucapan Pengerusi;
- ❖ taklimat khas tatacara pencalonan dan pemilihan
- ❖ **sesi pencalonan Pegawai Surau; dan**
- ❖ **sesi Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau**
- ❖ penangguhan mesyuarat dengan bacaan surah Al-Asr.

iii. Mencatat perbincangan dan keputusan- keputusan mesyuarat

## Tindakan Selepas Mesyuarat:

Setiausaha hendaklah menghantar kepada Pejabat Agama Islam Daerah dalam tempoh **7 hari** selepas mesyuarat perkara berikut:

- 1)Minit Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan Pegawai Dan Anggota Jawatankuasa Surau
- 2)Borang Pencalonan Pegawai Surau yang telah dilengkapkan
- 3)Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Surau yang telah dilengkapkan

# TANGGUNGJAWAB NAZIR DAN PEGAWAI MASJID:-

- a. Mengenal pasti semua surau yang berdaftar dan diselia oleh masjid
- b. Menyusun Jadual pelaksanaan mesyuarat berdasarkan tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh pihak surau
- c. Memastikan semua surau dibawah seliaan masjid mengadakan mesyuarat **TANPA KECUALI**



d.Membantu pihak surau dalam menetapkan sempadan kariah surau

e.Membantu PAID dengan cara memantau dan menyelia perjalanan mesyuarat

f.Melaporkan kepada PAID/JAIS/MAIS surau yang masih gagal mengadakan mesyuarat

## **PERKARA LAIN YANG PERLU DIAMBIL PERHATIAN OLEH NAZIR DAN Pengerusi Surau:-**

1. Adakah pengurusan surau telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Surau Bagi 2015
2. Adakah pihak surau telah menyediakan penyata kewangan surau tahun 2015 yang telah disahkan dalam mesyuarat agung
3. Adakah pihak surau akan mengadakan mesyuarat agung khas pemilihan bersekali dengan mesyuarat agung tahunan 2015

4. Tanggungjawab pengurusan pihak surau dalam memastikan semua dokumen/rekod surau termasuk rekod kewangan diserahkan kepada saf kepimpinan baru 2017-2019
5. Nota serah tugas AJK lama kepada AJK baru

## **Mesyuarat Jawatankuasa Kariah MAIS**

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengerusi Majlis, yang berperanan bagi menasihati dan membuat syor pemilihan calon yang layak untuk dilantik menjadi Pegawai Surau dan Anggota Jawatankuasa Surau kepada Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor.

## **Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor**

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengerusi MAIS, berperanan bagi mengesahkan dan meluluskan pelantikan senarai nama-nama Pegawai Masjid dan Anggota Jawatankuasa Surau.

Tauliah dan pelantikan kepada Pegawai Surau dan Anggota Jawatankuasa Surau akan dikeluarkan oleh Majlis.

Bilangan Surau yang akan terlibat dengan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan seluruh negeri Selangor adalah sebanyak **2223** buah surau.

\*Sebarang pertanyaan hubungi Pejabat Agama Islam Daerah atau Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS

\*Untuk salinan *softcopy* Garis Panduan dan Borang-Borang yang berkaitan, boleh layari dan download di laman web JAIS ( **e- masjid JAIS** ) atau dapatkan daripada Unit Pengurusan Masjid Daerah.

**SEKIAN,**

**TERIMA KASIH**